

**Tee Keat Harap Siasatan PKFZ Tidak Disia-siakan**  
**Bernama**  
**17 April , 2012**

KUALA LUMPUR, 17 April (Bernama) -- Bekas Menteri Pengangkutan Datuk Seri Ong Tee Keat berharap kerja keras oleh Jawatankuasa Ad-hoc yang ditugaskan menyiasat dakwaan salah laku atau 20 anomali di Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) yang dikenalpasti oleh Laporan PricewaterhouseCoopers (PwC) tidak disia-siakan.

Hasil siasatan sulit PwC telah diserahkan kepada pihak penyiasat dan pendakwa sebagaimana dijadualkan pada Ogos 2009, katanya dalam satu kenyataan selepas pelancaran buku, "PKFZ: A Nation's Trust Betrayed" oleh bekas Pengerusi Lembaga Pelabuhan Klang Datuk Lee Hwa Beng.

"Dua puluh lapan juta rakyat Malaysia mungkin tidak punya keistimewaan akses terhadap hasil siasatan itu oleh kerana siasatan dikatakan masih berjalan.

"Tetapi adalah dipercayai ramai daripada mereka masih mengharapkan jawapan yang mereka berhak dapatkan. Sedangkan, kita semua sedar bahawa kita berhak mengetahui hal yang benar," kata Ong.

Adalah dianggarkan pada 2009 jumlah kos, termasuk kos overrun, faedah dan bayaran balik hutang, untuk membina PKFZ sebagai sebuah taman industri serantau boleh mencecah RM12.5 bilion.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=659797>